



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2.00 petang, 1Jun 2025

Untuk Terbitan

Media 1 Jun 2025

SIARAN MEDIA

ZIARAH PRIHATIN: PERKESO SERAH FAEDAH PENCEN ILAT BUAT PESAKIT STROK, BUAH PINGGANG

KOTA KINABALU: Tatkala diri dan keluarga mungkin sudah putus harapan, hadirnya bantuan daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kembali memberi sinar harapan buat dua Orang Berinsurans (OB) di Sabah ini.

Jemaah Doktor mengesahkan kedua-duanya, pembantu stor, Fredrick Robert, 49 dan pengawal keselamatan, Stephen Mojili, 48, disahkan mengalami keilangan

Namun, di sebalik berita duka itu, ada juga khabar gembira kerana kedua-duanya layak menerima Faedah Pencen Ilat masing-masing berjumlah lebih RM1,200 sebulan.

Berdasarkan maklumat PERKESO, Fredrick menerima pencen berjumlah RM1,285.42 sebulan disebabkan penyakit strok dialaminya.

Manakala Stephen pula menerima RM1,220.83 sebulan selepas dia disahkan mengalami keilangan akibat penyakit buah pinggang dihidapinya yang sudah sampai ke tahap akhir.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, kedua-dua OB tersebut bukan hanya menerima Faedah Pencen Ilat tetapi juga bantuan alatan pemulihan yang bersesuaian dengan penyakit mereka.

“Antaranya, Fredrick menerima lampin pakai buang serta kerusi roda dan Stephen pula menerima kerusi roda, mesin *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD) dan suntikan *Erythropoietin* (EPO).

“Perlindungan sebegini yang kita mahu berikan kepada semua rakyat Malaysia, melindungi mereka bukan hanya ketika mereka masih mampu bekerja tetapi juga ketika mereka tidak lagi mampu, atau mengalami keilangan.

“Inilah keprihatinan manusiawi yang kita bawakan, menyuntik elemen kasih sayang, hadir ketika kesukaran, membuktikan kita sentiasa ada. Anda tidak keseorangan.

“Semoga faedah ini bawa senyuman kepada penerima dan membantu mereka meneruskan kehidupan dengan baik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas selesai menghadiri program Ziarah Prihatin di kedua-dua rumah OB tersebut di Kota Kinabalu, pada Sabtu, semalam.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan 'no one left behind'.

PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat 1

Jun 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Iklil Fatihah

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my